

Bab Satu

BAB SATU

SISTEM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

1.1 Pendahuluan

Secara ringkasnya, bab ini bertujuan memberi gambaran dan maklumat secara umum tentang sistem perbankan Islam sepertimana yang dianjurkan Islam. Perbincangan akan menyentuh beberapa topik seperti definisi, sejarah perkembangan sistem perbankan Islam secara menyeluruh, seterusnya penulis membincangkan tentang sistem perbankan Islam di Malaysia, falsafah sistem perbankan tersebut dan juga prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan dalam sistem perbankan Islam itu sendiri.

1.2 Definisi Sistem Perbankan Islam

1.2.1 Dari sudut bahasa

Perkataan “sistem” didefinisikan sebagai kumpulan pendapat, prinsip dan teori yang teratur lagi tersusun yang biasa dijadikan pegangan iaitu satu cara atau kaedah yang teratur untuk melakukan sesuatu.¹

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *Kamus Dewan*, cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1216. ; *Kamus Umum Indonesia*. (1982), Jakarta: PN. Balai Pustaka, h. 955.

Manakala perkataan “perbankan” merupakan kata terbitan daripada perkataan “bank”². Bank merupakan sebuah institusi kewangan berlesen yang menawarkan perkhidmatan kewangan, aktiviti perbankan dan beroperasi sebagai penerima deposit, pemberi pinjaman atau pembiayaan dengan mengenakan kadar faedah tertentu bertujuan untuk menggerakkan dasar kewangan sebuah kerajaan³.

1.2.2 Dari sudut istilah

Bank Islam didefinisikan sebagai institusi kewangan yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada masyarakat Islam di mana keseluruhan operasinya berlandaskan hukum Syarak⁴. Manakala sistem perbankan Islam merupakan sebuah sistem perbankan yang prinsip dan amalannya berlandaskan hukum-hukum Islam atau di dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Syari’ah*⁵ untuk

² Perkataan bank berasal daripada perkataan Itali iaitu “banco” yang beerti kepingan papan tempat meletak buku atau sejenis meja iaitu “bench”. Kemudian penggunaannya telah diperluaskan kepada meja (*counter*) tempat penukar wang yang digunakan oleh pemberi pinjam dan penukar wang dari Eropah pada abad pertengahan untuk mempamerkan wang mereka. Lihat J. A. Simpson dan E. S. C Weiner (1989), *The Oxford English Dictionary*, cet. 2. Oxford: Clarendon Press, Vol. 1, h. 930. ; Mohd Muslehuddin (1988), *Urusan Bank dan Hukum Islam*, Izuddin Haji Mohamed (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 3.

³ Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *op.cit.*, h. 94. ; Dewan Bahasa dan Pustaka (1998), *Kamus Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11. ; Dewan Bahasa dan Pustaka (1996), *Kamus Kewangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 14. ; Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *Kamus Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11.

⁴ Rosli Mahmood (1994), *Konsep Asas Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15. ; Dewan Bahasa dan Pustaka (1998), *op.cit.*, h. 12.

⁵ Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, h. 2. ; BIMB (1994), *Islamic Banking Practice from the Practitioner’s Perspective*. Kuala Lumpur: BIMB, h. 7. ; Omar Bin Hj Mohd. Abu (1982), “Penubuhan dan Fungsi Bank Islam”, (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Bank Islam; Konsep dan Perlaksanaannya, anjuran Persatuan Ulama Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa), h. 6.

merealisasikan keadilan sosial serta pengagihan kekayaan dan pendapatan⁶. Ianya juga didefinisikan sebagai sistem perbankan yang selaras dengan sistem nilai dan etos Islam.⁷

Menurut *al-Najjār*, salah seorang penganalisis ekonomi Islam yang terkemuka, beliau telah mendefinisikan perbankan Islam sebagai pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan Syariah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana-dana tersebut mengikut landasan Islam⁸.

Selain itu *al-Tayyār* menyatakan bahawa perbankan Islam membawa erti kepada setiap pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berlandaskan syariah Islam yang menggunakan kaedah-kaedah fiqh⁹.

⁶ Abdul Halim (1990), "Bank Islam Sebagai Satu Institusi Pembangunan Masyarakat Islam" dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 69. ; Lihat juga *Majallah al-Bunūk al-Islāmiyyah*, bil. 7. Dhū al-Qā'idah (1399 H), Qāherah: al-Ittiḥād al-Dawli Li al-Bunūk al-Islāmiyyah, h. 22.

⁷ Fuad al-Omar & Muhammad Abdel Haq (1996), *Islamic Banking Theory, Practice and Challenges*. Karachi: Oxford Uni Press, h. 21. ; Ziauddin Ahmad (1984), *Concept and Model Of Islamic Banking ; An Assessment*. Islamabad: International Institute Of Islamic Economic, h. 5. ; Abbad Mirakhor (1987), "Short Term Asset Concentration and Islamic Banking" (ed), *Theoretical Studies In Islamic Banking And Finance*. Texas: The Institute for Research And Islamic Studies, h. 185.

⁸ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 255. ; Lihat juga *Majallah al-Bunūk al-Islāmiyyah*, bil. 7. Dhū al-Qā'idah (1399 H), Qāherah: al-Ittiḥād al-Dawli Li al-Bunūk al-Islāmiyyah, h. 22.

⁹ Dr. 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Ahmad al-Tayyār (1414 H), *al-Bunūk al-Islāmiyyah Bayna al-Nazāriyyah Wa al-Taṭbīq*, cet. 2. Riyadh: Dār al-Waṭn, h. 88.

Seterusnya Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa telah mendefinisikan perbankan Islam sebagai perbankan yang ditubuhkan untuk menggerakkan dana dan segala penggunaannya selaras dengan Syariah Islam bagi tujuan mengembangkan ikatan kesatuan di samping menggunakan dana-dana tersebut selaras dengan kehendak Syarak¹⁰.

Kesimpulannya, sistem perbankan Islam adalah satu sistem perbankan yang beroperasi berlandaskan *al-Syari'ah al-Islāmiyyah* untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t di dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, segala operasi yang dijalankan dalam sistem tersebut tidak mengenakan bunga (*interest*) seperti yang dikenakan oleh sistem perbankan konvensional. Begitu juga dengan unsur penindasan tidak akan timbul sama sekali dalam aspek pelaksanaannya kerana ia selari dengan tuntutan muamalat Islam.

1.3 Sejarah Awal Sistem Perbankan Islam

Sejarah membuktikan bahawa sistem perbankan telah lama wujud sebelum kedatangan Islam lagi, tetapi operasi perbankan yang dimaksudkan adalah berasaskan riba yang diamalkan di Semenanjung Tanah Arab. Ketika itu, kebanyakan masyarakat Arab memberikan wang kepada orang lain untuk diniagakan dengan menggunakan kaedah *al-qirāḍ* atau *al-muḍārahah* untuk mendapatkan keuntungan. Muamalat

¹⁰ Adnan M. Abdeen & Dale N Shook (1984), *The Saudi Financial System*. New York: John Wiley And Sons Ltd., h. 170 ; Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 255.

seperti ini amat terkenal di kalangan masyarakat Arab Quraisy dan Yahudi¹¹ pada ketika itu.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w sebelum diutus menjadi Rasulullah s.a.w dikatakan sebagai seorang yang amat terkenal dengan kejujuran dan ketelusannya. Sifat kejujuran dan ketelusan ini telah menarik perhatian masyarakat Arab Quraisy pada masa itu untuk melantik baginda sebagai penyimpan harta benda, sehinggalah baginda berhijrah ke Madinah dan seterusnya melantik Saydina 'Alī sebagai pemegang amanah untuk memulangkan semula segala simpanan itu kepada pemiliknya.¹²

Seterusnya amalan, deposit ini telah berkembang, di mana Zubayr bin al-Awwām salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w yang telah mengubah amalan deposit ini kepada amalan pinjaman. Tindakan Zubayr ini telah menghasilkan dua objektif ; yang pertama dengan mengambil wang deposit tersebut sebagai pinjaman dan beliau mempunyai hak untuk menggunakannya ; yang kedua sekiranya deposit yang diambil tidak digunakan ianya merupakan kerugian, jadi beliau menggunakan wang deposit tersebut untuk diniagakan. Selain itu, aktiviti kiriman wang juga telah berlaku pada zaman awal Islam, contohnya 'Abd Allāh bin al-Zubayr telah mengambil wang daripada masyarakat Arab Mekah dan kemudiannya menulis pengesahan penerimaan

¹¹ 'Abd al-Karīm Zaidān (1996), *Madkhal Li Dirāsah al-Syari'ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 30. ; Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 5.

¹² Sami Hasan Homoud (1985), *Islamic Banking*. London: Arabian Information Ltd., h. 11.

untuk dikirimkan kepada adiknya Miṣāb bin al-Zubayr di Iraq dan ianya boleh ditunaikan di Iraq.¹³

1.4 Sejarah Perkembangan Sistem Perbankan Islam

Kebanyakan sarjana Islam telah membahaskan perbankan Islam sejak 1940-an¹⁴ lagi, namun ianya hanya sekadar idea untuk penubuhan perbankan Islam dan tidak disusuli dengan penyelidikan yang terperinci terhadap aspek teknikal dan operasi perbankan Islam tersebut. Sehingga akhir tahun 1960-an¹⁵ para sarjana Islam mula membahaskan perbankan Islam dengan lebih terperinci dan komprehensif.¹⁶

¹³ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 5-7.

¹⁴ Muḥammad Nejatullah Siddīqī (1981), *Muslim Economic Thinking A Survey of Contemporary Literature*. Leicester: The Islamic Foundation, h. 30.; Ausuf Aḥmad (1987), *Development and Problems of Islamic Banks*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, h. 2.

¹⁵ Perbincangan terhadap model-model Bank Islam secara matang dan menyeluruh telah dibincangkan oleh sarjana-sarjana Islam seperti Dr Muḥammad Nejatullah Siddīqī (1988), dalam bukunya *Banking Without Interest*. Leicester: The Islamic Foundation. Ia merupakan hasil karyanya yang asal dalam bahasa Urdu yang bertajuk "Ghair Sudī Bank Kārī" yang bermaksud "urusan bank tanpa bunga" yang pertama diterbitkan pada tahun 1969. Muḥammad 'Abd Allāh al-'Arabī (1972), "Contemporary Bank Transactions And Islam's Views Thereon" dalam *Islamic Thought*. (Aligarh), vol. II, no. 3 & 4, Julai 1967, h. 10-43; Muḥammad Bāqir al-Ṣadr (t.t), *al-Bank Allāribawī Fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Ta'āwun; Aḥmad al-Najjār (1972), *Bunūk Bilā Fawā'id Ka Istirāṭijyah Li al-Tanmiyyah al-Iqtisādīyyah Wa al-Ijtimā'īyyah*. Jeddah: Jāmi'ah Mālik 'Abd al-'Aziz; Mahmud Aḥmad (1967), "Semantics of Theory of Interest" dalam *Islamic Studies*, (Rawalpindi) vol. 6, no. 2, Jun 1967, h. 171-176; M.N. Huda (1964), "Economics Accepting Islam" dalam *World Muslim League*. Singapore, vol. 1, no. 3, Januari 1964, h. 10-17; Muḥammad 'Abd al-Mannan, "Islam and Trend In Modern Banking : Theory and Practice of Interest Free Banking" dalam *Islamic Review*. London, vol. 56, no. 11 & 12, November-Disember 1968, h. 5-10; vol. 57, no. 1, Januari 1967, h. 28-33.

¹⁶ Muḥammad Nejatullah Siddīqī (1981), *op.cit.*, h. 32.

Sejarah penubuhan bank Islam zaman moden bermula dengan tertubuhnya bank Islam pertama di pekan Mit Ghamr kira-kira 40 kilometer dari utara bandar Kaherah pada tahun 1963¹⁷, di mana penubuhan bank tersebut telah diusahakan oleh Dr. Ahmad al-Najjār.¹⁸ Antara objektif penubuhan bank ini ialah untuk pembangunan sosio-ekonomi dan mendidik penduduknya menggunakan sumber-sumber yang mereka miliki dengan sebaik-baiknya tanpa bergantung dengan bank konvensional yang berasaskan kepada riba¹⁹. Penubuhannya telah mendapat sambutan dan sokongan yang memberangsangkan daripada masyarakat setempat dan para petani. Namun pada tahun 1967, bank ini telah diarahkan tutup oleh kerajaan Mesir pada

¹⁷ Lihat R.K. Ready (1967), "The Egyptian Manicipal Savings Bank Project" dalam *International Development Review*, vol. 9, no. 2, h. 2-5.

¹⁸ Dr. Ahmad Muhammad al-Najjār (1993), *Harakah al-Bunūk al-Islāmiyyah, Ḥaqā'iq al-Aṣl wa Auhām al-Ṣūrah*. Kaherah: Syarikat Sprint, h. 47-48 ; Muhammad 'Uthmān Syabīr (1998), *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī al-Fiqh al-Islāmī*. Jordan: Dar al-Nafā'is, h. 138 ; Azmi Omar (1986), "Bank Islam, Di Antara Muamalat Ideologi dan Perniagaan", (Kertas Kerja IV, Kursus Jangka pendek Ekonomi Islam, Sistem Kewangan, 25 dan 26 Oktober 1986, Anjuran Kulliyah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa), h. 3.

¹⁹ Shahrūkh Rafī Khan (1987), *Profit And Loss Sharing : An Islamic Experiment in Finance And Banking*. Karachi: Oxford University Press, h. 53 ; Lihat juga Ahmad Muhammad al-Najjār (1973M/1393H), *al-Madkhal Ilā al-Nazāriyyah al-Iqtisādiyyah Fī al-Manhaj al-Islām*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 222. ; Lihat juga penulis lain beliau yang bertajuk "Islamic Banks : A Model And The Challenge" dalam Altaf Gauhar (ed.), *The Challenge Of Islam*. London: Islamic Council Of Europe, 1978, h. 224-225. dan kertas kerja beliau "Islamic Bank – A Model and The Challenges", (Kertas Kerja dibentangkan di First Advanced Course on Islamic Banks, International Institute of Islamic Banking and Economics, Kaherah pada 28 Ogos – 17 September 1981)

waktu itu atas sebab-sebab politik²⁰ dan tidak lagi mendapat sokongan daripada pihak berkuasa Mesir²¹.

Seterusnya, pada tahun 1971 Bank Islam pertama telah ditubuhkan di bandar Kaherah, yang diberi nama Nasser Sosial Bank. Objektif pertama penubuhan Nasser Sosial Bank ini adalah berbentuk sosial dan bank ini telah diberikan kebenaran pengecualian daripada Undang-undang Perbankan dan Kredit 1957 pada peringkat awal operasinya.²²

Namun begitu, pada era 70-an perbankan Islam telah mengalami banyak peringkat perubahan, mungkin disebabkan sistem konvensional yang berunsurkan riba telah banyak memberi kesan yang negatif dengan melakukan penindasan terhadap pendeposit dan keuntungan tidak dibahagikan sama rata. Justeru itu masyarakat dunia mendesak supaya bank Islam yang berasaskan prinsip muamalat Islam dibangunkan dan dikembangkan ke seluruh dunia.

²⁰ Shahrulkh Rafi Khan (1987), *op.cit.*, h. 54. Dikatakan pelanggannya telah mencecah ke angka 1 juta orang. Sila lihat Ahmad al-Najjār (1972), *op.cit.*, h. 230-232 ; Asif Huda (1982), "The New Islamic Bankers" dalam *Middle East*, 8-9 March 1982, h. 68 ; Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 8 ; Joni Tamkin Bin Borhan (2000), *Isu-Isu Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, (Kertas Kerja Diskusi Ekonomi Islam, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 20 Disember 2000), h. 2 ; *Idem* (2001) "Isu-isu Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam", *Majalah Pemikir*, bil. 26, Oktober-Disember 2001, h. 125

²¹ 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Aḥmad al-Tayyār (1414 H), *op.cit.*, h. 193 ; Wilson Rodney (1983), *Banking and Finance In The Arab Middle East*. London: Mac Millan, h. 15 ; Ab. Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 257.

²² Dr Ausuf Ahmad (1995) "The Evolution of Islamic Banking" dalam *Encyclopedia Of Islamic Banking And Insurance*. London: Institute Of Islamic Banking and Insurance, h. 23.

Oleh itu, pada tahun 1972, Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam telah dijemput ke Jeddah untuk membentuk sebuah jawatankuasa khas bagi menyediakan perjanjian bank Islam bersama.²³ Rentetan dari peristiwa tersebut, Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Islam telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1973 dan 1974 di Jeddah. Akhirnya, usaha yang gigih itu telah membuahkan hasil kepada penubuhan Bank Pembangunan Islam (*Islamic Development Bank*)²⁴. Pada 1975 dengan rasminya Bank Pembangunan Islam ditubuhkan²⁵ dan beribu pejabat di Jeddah²⁶ dengan tujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial negara Islam berasaskan konsep-konsep Syariah²⁷.

Seterusnya pada tahun 1975, Dubai Islamic Bank telah ditubuhkan²⁸. Ini diikuti pada tahun 1977, di mana tiga lagi bank Islam ditubuhkan iaitu Kuwait Finance House, Bank Islam Faisal Di Mesir dan Bank Islam Faisal di Sudan²⁹. Pada tahun yang sama juga Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa telah ditubuhkan di Jeddah yang mana objektif penubuhannya untuk memudah dan memajukan

²³ Afzalur Rahman (1979), *Banking An Insurance, Economic Doctrines Of Islam*. London: The Muslim Schools Trust, Vol. 4, h. 419 ; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 257.

²⁴ M A Mannan (1986), *Islamic Economic ; Theory and Practice*. Kent: Hodder and Stoughton, h. 189

²⁵ Bank ini ditubuhkan hasil usaha dan rangka kerja yang dilakukan oleh para ulama', ahli-ahli ekonomi dan para pegawai bank di seluruh dunia untuk melihat sebuah bank perdagangan Islam beroperasi berdasarkan prinsip-prinsip muamalat Islam. Sila lihat Azlan Khalili Shamsuddin (1988), *Banking and Public Finance in Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 23-25 ; Traute Wohler-Scharf (1983), *Arab and Islamic Banks*. Paris: T.P

²⁶ Dr Rafiq al-Misri⁷ (1987), *Maṣraf al-Tanmiyyah al-Islāmī Aw Muḥāwalah Jadīdah Fī al-Ribā Wa al-Fā'idah Wa al-Bank*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 384-385.

²⁷ M. A. Mannan (1986), *op.cit.*, h. 189 ; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 258.

²⁸ Dr. Ausuf Ahmad (1995), *op.cit.*, h. 23. ; Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 11.

²⁹ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 258.

kerjasama di kalangan bank-bank Islam serantau di samping menyelaraskan segala aktiviti³⁰.

Jelas dapat dilihat, pada pertengahan 1970-an telah banyak perbankan Islam yang berorientasikan perdagangan ditubuhkan dan antara tujuan bank ini ditubuhkan adalah untuk menawarkan alternatif perbankan secara Islam kepada sistem perbankan konvensional yang sedia ada.³¹

Dan sehingga akhir tahun 1983³², dilaporkan terdapat lebih lima puluh buah bank yang beroperasi di seluruh dunia, termasuk di negara-negara bukan Islam.³³

Selain beropersasi di negara-negara Islam, perbankan Islam juga berjaya ditubuhkan di negara minoriti umat Islam. Sebagai contoh, Bank Amanah Philipina telah ditubuhkan pada tahun 1973 dan Bank Islam Antarabangsa Denmark telah berjaya ditubuhkan pada tahun 1983³⁴. Manakala Sistem Perbankan Islam atau lebih

³⁰ Adnan M. Abdeen & Dale N. Shook (1984), *op.cit.*, h. 166 ; Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988), "Islamic Banking ; Theory and Practice" dalam Mohamed Ariff (ed.) *Islamic Banking in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 166.

³¹ Sharukh Rafi Khan (1987), *Profit And Loss Sharing, An Islamic Experiment In Finance And Banking*. Oxford: University Press, h. 7.

³² Sila lihat Lampiran 1

³³ Joni Tamkin Bin Borhan (2000), *op.cit.*, h. 2. ; Lihat juga Joni Tamkin Bin Borhan (2000), "Budaya Muamalat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-Produk Muamalat Dalam Amalan Perbankan" (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam 111 Peringkat Kebangsaan, sesi V, Pengaruh Budaya Dalam Menentukan Hukum Muamalat, 7 & 8 November 2000, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 10.

³⁴ Erik Trolle-Schultz (1986) "How the First Islamic Bank Was Established In Eroupe" dalam *Butterworth Editorial Staff, Islamic Banking dan Finance*. London: Butterworth And Co. Ltd, h. 43-44

dikenali dengan nama Islamic Finance House telah ditubuhkan di Luxembourg pada tahun 1978³⁵.

Ringkasnya, pertumbuhan bank-bank Islam di negara Islam dan negara minoriti umat Islam, telah membuktikan bahawa sistem perbankan Islam yang diperkenalkan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan memberangsangkan daripada segenap lapisan masyarakat di seluruh dunia.

1.5 Perkembangan Sistem Perbankan Islam di Malaysia

Di Malaysia, sejarah awal sistem perbankan Islam boleh dikaitrapatkan dengan penubuhan Lembaga Tabung Haji. Kemudian diikuti dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), ianya merupakan fasa pertama usaha kerajaan dalam memajukan sektor perbankan Islam tanahair hasil kesedaran umat Islam terhadap penghayatan Islam secara total. Fasa kedua pula, bermula pada tahun 1990 apabila Bank Negara Malaysia menggariskan visi untuk mewujudkan sistem perbankan Islam yang komprehensif seiring dengan sistem perbankan konvensional. Skim Perbankan Islam yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia ini merupakan dwi-perbankan yang memberi kemudahan perbankan yang meluas kepada masyarakat Malaysia secara menyeluruh. Seterusnya, penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BBMB) yang dianggap Bank Islam kedua di Malaysia. Manakala, fasa ketiga yang dirancang oleh kerajaan Malaysia bakal menyaksikan pembangunan secara proaktif terhadap sistem

³⁵ Dr. Ausuf Ahmad (1995), *op.cit.*, h.. 43.

perbankan dan kewangan Islam untuk memperkukuhkan kapasiti keinstitutional domestik seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam yang terulung di rantau ini, lebih-lebih lagi di peringkat antarabangsa³⁶.

1.5.1 Tabung Haji

Sebelum tahun 1963, kebanyakan institusi kewangan pada masa itu berlandaskan riba. Namun, masyarakat Islam di Tanah Melayu pada masa itu sangat mementingkan kebersihan dan kesucian harta mereka. Untuk mengelakkan diri daripada amalan riba mereka telah menyimpan wang-wang di tempat-tempat seperti di bawah tilam, tikar, dalam bantal dan sebagainya. Mereka menganggap cara inilah yang halal dan terjamin untuk membiayai perbelanjaan mereka ke Tanah Suci Mekah. Walau bagaimanapun, ada juga yang terpaksa menabung wang di institusi kewangan yang mengamalkan riba, disebabkan tiadanya perbankan Islam pada masa itu. Seterusnya, selepas kembalinya daripada mengerjakan haji di Tanah Suci Mekah, kebanyakan keadaan ekonomi masyarakat Islam pada masa itu tidak stabil dan seterusnya memberi kesan buruk kepada ekonomi negara pada masa itu.³⁷

Berdasarkan ide yang dikemukakan oleh Yang Mulia Profesor Di Raja Ungku Aziz Bin Ungku Abdul Hamid, bekas Canselor Universiti Malaya yang membuat

³⁶ Rustam Mohd. Aris (2002), "Perkembangan Sistem Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia", dalam *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Nik Mustapha Nik Hassan (ed.). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h.316-326.

³⁷ Lembaga Urusan Tabung Haji (1980), *Lembaga Urusan Tabung Haji Sebagai Satu Institusi Pelaburan Islam*. Kuala Lumpur: Lembaga Urusan Tabung Haji, h. 7-8.

kajian dan penelitian yang mendalam terhadap ekonomi masyarakat Islam Melayu pada waktu itu, maka terhasilnya sebuah kertas kerja yang bertajuk “Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji”³⁸ untuk mengatasi permasalahan ini.

Di dalam kertas kerja tersebut, beliau telah mencadangkan supaya sebuah institusi kewangan Islam tanpa riba ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan masalah masyarakat melayu yang bakal haji pada masa itu. Bahkan, institusi kewangan Islam tersebut hendaklah berdasarkan konsep pelaburan dan keuntungan³⁹ yang dianjurkan Islam.

Pada tahun 1962, kertas kerja yang dibuat oleh Ungku Aziz telah dikaji dan diteliti oleh Mufti Besar Mesir, Sheikh Maḥmūd Shaltūt yang merupakan Rektor Universiti Azhar sempena kedatangan beliau ke Tanah Melayu. Beliau menyokong kertas kerja tersebut dan menegaskan bahawa usul-usul yang dikemukakan oleh Ungku Aziz tidak bertentangan dengan tuntutan Islam malahan usaha tersebut memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat Islam di Tanah Melayu.⁴⁰

³⁸ Muhammad Saleh Bin Haji Awang (1986), *Haji di Malaysia : Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300 – 1400H*. Terengganu: T.P, h. 255 ; Lembaga Urusan dan Tabung Haji (t.t), *Ulang tahun ke 30 Lembaga Urusan dan Tabung Haji*. Kuala Lumpur: Lembaga Urusan dan Tabung Haji, h. 5

³⁹ Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1993), *Buku Cenderamata Ulang Tahun Ke - 30*. Kuala Lumpur: Lembaga Urusan dan Tabung Haji, h. 16.

⁴⁰ Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1980), *op.cit.*, ms 7-8. ; Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1987), *Buku Cenderamata Ulangtahun ke - 25 Tabung Haji*. Kuala Lumpur: Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Hasilnya, pada tahun 1963 Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji telah ditubuhkan dan dilancarkan dengan rasminya.⁴¹ Tugas Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji ditumpukan kepada pengutipan, penyimpanan dan pelaburan wang simpanan bakal-bakal haji serta membuat penerangan dalam isu-isu yang berkaitan dengannya. Di samping itu juga, Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji turut mengadakan kumpulan simpanan wang bakal tua bagi kakitangannya. Dalam masa yang sama juga, usaha untuk menggabungkan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji dengan Pejabat Urusan Tabung Haji telah diuruskan.⁴²

Seterusnya, pada Ogos 1969 Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji yang berpengkalan di Kuala Lumpur telah digabungkan dengan Pejabat Urusan Tabung Haji yang beribu pejabat di Pulau Pinang sejak tahun 1951. Gabungan kedua-dua badan ini telah melahirkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Ia ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia Akta LUTH 1969 (Akta No. 8/1969). Manakala pada tahun 1973, Akta LUTH (pindaan) 1973 (Akta No. A 168/1973) telah memansuhkan perbadanan tersebut dan LUTH mengawal dan menjalankan sepenuhnya urusan haji di Malaysia.⁴³ Objektifnya ialah untuk membantu dan

⁴¹ Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji atau pejabat Tabung Haji dikanunkan melalui Akta Parlimen Bil. 34/62 pada bulan Ogos, 1962 dan diwartakan mulai bulan November 1982. Lihat Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 326. ; Lembaga Urusan Tabung Haji (1990), *op.cit.*, ms 7-8.

⁴² Zainal Abidin Abdul Wahid *et al.* (1993), *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*. Kuala Lumpur: T.P, h. 103.

⁴³ Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1990), *op.cit.*, hal. 8 ; LUTH (1997), *Laporan Tahunan 1977 Lembaga Urusan Tabung Haji*. Kuala Lumpur: Lembaga Urusan dan Tabung Haji, h. 2. ; Lihat Juga *Majalah Tabung Haji* (t.t), "Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah", Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji, h. 3.

memperbaiki kebajikan masyarakat Islam semasa menunaikan fardhu haji selain daripada untuk membelengkan simpanan daripada masyarakat Islam secara berkesan dan cekap mengikut lunas-lunas Islam⁴⁴

Mulai 1 Jun 1995, LUTH telah ditukar kepada Lembaga Tabung Haji (LTH). Penukaran ini adalah berkaitan dengan terwartanya Akta Tabung Haji 1995 (Akta No. 535/1995) yang telah menggantikan Akta LUTH 1969 (Akta No. 8/1969).⁴⁵

Antara matlamat⁴⁶ Tabung Haji ditubuhkan adalah untuk memberikan perkhidmatan yang baik, sempurna dan memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan mereka menunaikan fardhu haji di tanah suci Mekah. Selain itu, matlamat penubuhannya juga adalah untuk memberikan keuntungan yang maksimum kepada pendeposit-pendeposit.

Manakala tujuan⁴⁷ Tabung Haji ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan kepada masyarakat Islam Malaysia menyimpan wang secara beransur-ansur tanpa dicemari sebarang unsur riba dan memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji atau lain-lain perbelanjaan yang bermanfaat. Selain itu, ia juga bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Islam untuk mengambil bahagian dalam penanaman modal dalam

⁴⁴ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 326-327

⁴⁵ LUTH (1995), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1995*. Kuala Lumpur: Lembaga Urusan dan Tabung Haji, h. 2.

⁴⁶ Matlamat dan tujuan penubuhan Tabung Haji kekal sejak dari awal penubuhan hingga sekarang. Sila lihat LUTH (1995), *op.cit.*, h. 3.

⁴⁷ LUTH (1989), *Laporan Tahunan 1989*. Kuala Lumpur: LUTH, h. 8 ; LUTH (1991), *op.cit.*, h. 1.

sektor perusahaan, perdagangan, perladangan serta tanah dan bangunan melalui wang simpanan mereka dengan cara yang halal di sisi agama Islam. Penubuhannya juga bertujuan untuk mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti untuk kebajikan, kesihatan dan pengawalan yang teratur serta perlindungan menyeluruh kepada rakyat Malaysia di Mekah semasa menunaikan fardhu haji.

1.5.2 Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

Melihat kejayaan penubuhan bank-bank Islam moden di Timur Tengah⁴⁸ dan negara-negara lain⁴⁹ seperti di Pakistan, Bangladesh, Denmark dan beberapa buah negara lain telah mendorong masyarakat Islam di Malaysia untuk mendesak kerajaan mewujudkan perbankan Islam yang bebas daripada riba dan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah⁵⁰.

Ide penubuhan Bank Islam adalah hasil daripada desakan pelbagai pihak seperti masyarakat Islam Malaysia, ahli-ahli politik Islam, gerakan dakwah Islam dan pegawai-pegawai bank. Hasil dari desakan ini, maka satu Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1980⁵¹ telah meluluskan usul mendesak Kerajaan Malaysia

⁴⁸ Younes Altamimi (1986), "The Experience of Islamic Banks in the Middle East" dalam *Butterworths Editorial Staff, Islamic Banking and Finance*. London: Butterworth And Co. Ltd, h. 28-38.

⁴⁹ Waqar Masood Khan (1985), *Towards an Interest-Free Islamic Economic System*. United Kingdom: Leicester, h. 90-93.

⁵⁰ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 11 ; Ab.Mumin Ab.Ghani (1999), *op.cit.*, h. 328 ; Lihat juga Joni Tamkin bin Borhan (2000), *op.cit.*, h. 3.

⁵¹ Abdul Halim Ismail (1983), "Bank Islam Malaysia Berhad : Establishment and Operations" (Kertas Kerja International Conference on Islam and Tecnology, UTM , Kuala Lumpur, December 1983), h. 2-

supaya membenarkan Lembaga Tabung Haji⁵² menubuhkan sebuah bank Islam yang beroperasi sebagai pengumpul dan pelaburkan wang masyarakat Islam Malaysia berlandaskan Syariat Islam.⁵³

Oleh itu, pada 30hb Julai 1981,⁵⁴ kerajaan telah melantik Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam yang telah dipengerusikan oleh Y.M Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman dan Lembaga Urusan Tabung Haji sebagai urusetianya.⁵⁵ Jawatankuasa ini telah mengemukakan laporannya pada 5hb Julai 1982. Antara laporan jawatankuasa tersebut adalah perkara-perkara seperti berikut⁵⁶:-

- i. Sebuah Bank Islam yang menjalankan operasinya mengikut lunas-lunas hukum syarak hendaklah ditubuhkan.

3 ; BIMB (1983) "Bank Islam Malaysia Berhad : Structure and Functions", (Kertas Kerja Seminar On current Trends and Development Of The Islamic Banking Industry In Malaysia, Kuala Lumpur). Lihat juga Abdul Halim Ismail (1983), "Bank Islam Malaysia Berhad : Principles and Operations", S.G Sheikh Abod, *et al.*, *An Introduction to Islamic Finance*. Kuala Lumpur: T.P, h. 245-246.

⁵² LUTH merupakan institusi kewangan yang utama mendesak kerajaan menubuhkan Bank Islam berlandaskan muamalat Islam, ia juga merupakan contoh sebagai salah sebuah institusi kewangan Islam yang telah berjaya beroperasi berlandaskan prinsip-prinsip Islam sepenuhnya. Lihat Ausuf Ahmad (1995), *op.cit.*, h. 23.

⁵³ Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1980), *op.cit.*, h. 7-9 ; BIMB (t.t), *Bank Islam Malaysia Berhad Penubuhan dan Operasi*. Kuala Lumpur: Percetakan Hassan & Sons Sdn. Bhd, h. 6.

⁵⁴ *Utusan Malaysia*, 31 Julai 1981, hal. 1-2.

⁵⁵ BIMB (t.t), *op.cit.*, h. 7 ; Shauki Abdul Majid (1990) "Bank Islam atau Riba?", dalam *Majalah Dakwah*, keluaran Mac 1990, h. 11.

⁵⁶ Shahriza Sidin (1997) "SPTF Manfaatkan Masyarakat Islam" dalam *Majalah Dewan Ekonomi*, keluaran November 1997, h. 22 ; Ab. Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 328 ; BIMB (t.t), *op.cit.*, h. 7 ; Shauki Abdul Majid (1990), *op.cit.*, h. 11.

- ii. Bank Islam tersebut hendaklah diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965;
- iii. Oleh kerana Akta Bank 1973 tidak sesuai bagi operasi Bank Islam, maka satu peruntukan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bank Islam 1982 hendaklah diadakan untuk melesen dan mengawasi Bank Islam dan pengawasan Bank Islam di bawah akta ini hendaklah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia; dan
- iv. Bank Islam hendaklah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk menentukan bahawa ia menjalankan urusniaganya mengikut lunas-lunas hukum Syarak.

Akhirnya, BIMB telah berjaya ditubuhkan di Malaysia dan memulakan operasinya pada 1 Julai 1983⁵⁷ dengan modal yang disahkan sebanyak RM500 juta dan modal berbayar RM80 juta⁵⁸ serta mempunyai sebuah cawangannya di Kuala Lumpur. Kemudian BIMB telah disenaraikan di papan Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) pada 17 Januari 1992.⁵⁹

⁵⁷ *Utusan Melayu*, 2 Julai 1983, h. 1 ; Nor Mohamed Yakcob (1996), *Teori, Amalan, dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, h. 17 ; Bank Islam Malaysia Berhad Info http://www.bankislam.com.my/kenali_profail.htm , 13 Februari 2002.

⁵⁸ Bank Islam Malaysia Berhad Info http://www.bankislam.com.my/kenali_profail.htm , 13 Februari 2002.

⁵⁹ BIMB (1992), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 1992*. Kuala Lumpur: BIMB h. 13 ; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 329.

BIMB adalah merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125)⁶⁰ dan memperoleh lesen dari Bank Negara Malaysia untuk menjalankan bank perdagangan Islam di bawah Akta Bank Islam 1983 yang berkuatkuasa pada 7 April 1983⁶¹. Manakala Bank Negara Malaysia pula bertanggungjawab untuk menyelia BIMB dengan mengawal serta mengawasi perjalanannya mengikut akta yang telah diperuntukkan. Oleh yang demikian seluruh kegiatan BIMB hendaklah beroperasi berdasarkan lunas-lunas Syariah Islam.

BIMB juga telah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk merealisasikan dan memastikan agar urusniaga yang diuruskan oleh BIMB berlandaskan muamalat Islam. Majlis pengawasan inilah yang membezakan di antara bank Islam dan bank konvensional, di mana ianya bertujuan memastikan segala operasi BIMB tidak bercanggah dengan Syarak.

Oleh itu, jelas bahawa matlamat utama penubuhan BIMB adalah berusaha menjalankan operasinya sebagai sebuah bank perdagangan berlandaskan kepada hukum-hukum Syarak, di samping menyediakan kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat kepada semua umat Islam khasnya kepada masyarakat Islam

⁶⁰ Johnson Pang (1997), *Sistem Kewangan dan Perbankan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications, h. 34 ; Lembaga Penyelidik Undang-Undang (1993), *Akta Syarikat 1965 (Akta 125)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

⁶¹ BIMB (1984), *Bank Islam Malaysia Berhad*. Kuala Lumpur: BIMB, h. 8-9 ; Bank Negara Malaysia (t.t), *Wang dan Urusan Bank di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Ekonomi Bank Negara Malaysia, h. 355.

Malaysia dan berusaha untuk mencapai keteguhan serta keupayaan berkembang maju dari semasa ke semasa.⁶²

1.5.3 Skim Perbankan Islam (SPI)

SPI merupakan satu skim yang dirancang untuk membenarkan institusi kewangan konvensional menawarkan khidmat perbankan Islam⁶³ yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan juga melibatkan beberapa fasa.

SPI ini adalah hasil daripada inisiatif kerajaan untuk membenarkan bank konvensional menawarkan perkhidmatan perbankan Islam dengan menggunakan infrastruktur, premis dan cawangan yang sedia ada. Ianya juga merupakan salah satu daripada strategi dan kaedah Bank Negara Malaysia untuk membangunkan sistem perbankan Islam dengan kos yang paling rendah serta dijangkakan mampu memenuhi keperluan ini dalam tempoh masa yang singkat⁶⁴.

SPI yang ditawarkan oleh kerajaan ini terbuka kepada semua bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan. Oleh yang demikian, institusi kewangan yang berhasrat untuk menyertai SPI ini hendaklah menubuhkan Unit

⁶² BIMB (t.t), *op.cit.*, hal. 8-9.

⁶³ Bank Negara Malaysia (1994), *Money and Banking In Malaysia*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 333 ; Dzuljastri Abdul Razak & Shahrul Izzan Abdul Karim (1994) "SPTF Alternatif kepada Sistem Konvensional", dalam *Dewan Ekonomi*, keluaran Mei 1994, h. 10 ; Ab Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 336.

⁶⁴ Nor Mohamed Yacop (1996), *op.cit.*, h. 54-55 ; Rustam Mohd. Idris (2002), *op.cit.*, h. 320-321

Perbankan Tanpa Faedah atau juga dikenali sebagai Interest-free Banking Unit (IBU) di ibu pejabat mereka dengan fungsi-fungsi yang berikut :⁶⁵

- i. Menguruskan segala aspek berhubung dengan operasi SPTF termasuk perkara-perkara dasar dan tatacara.
- ii. Membuat hubungan dengan jabatan-jabatan lain dalam institusi kewangan untuk memastikan kelicinan operasi SPTF.
- iii. Memastikan dana yang dikumpulkan ke dalam Tabung Perbankan Tanpa Faedah disalurkan untuk pembiayaan dan aktiviti pelaburan yang berasaskan prinsip-prinsip Islam.
- iv. Mengatur program latihan untuk kakitangan mengenai perbankan Islam agar dapat menjamin kelancaran dan keberkesanan dalam pelaksanaan SPTF.
- v. Mengatur penyusunan dan penyerahan laporan-laporan yang dikehendaki untuk diserahkan kepada Bank Negara dari semasa ke semasa.
- vi. Memastikan semua peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara berhubung dengan SPTF dipatuhi sepenuhnya.

⁶⁵Bank Negara Malaysia (1993), *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 1993*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 224 ; Ab. Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 338-339 ; Dzuljasti Abdul Razak &

- vii. Melakukan penyelidikan dan pengembangan secara berterusan dalam segala hal mengenai perbankan Islam untuk mengukuhkan dan memajukan lagi sistem kewangan Islam.

Dalam masa yang sama juga IBU hendaklah diketuai oleh seorang pegawai kanan beragama Islam yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang muamalat Islam dan mempunyai kakitangan yang berkelayakan. Institusi kewangan yang menyertai SPI juga dikehendaki menyediakan dan mengekalkan sejumlah minimum Dana Perbankan Tanpa Faedah (*Interest-free Banking Fund-IBF*) yang akan ditentukan oleh Bank Negara dari semasa ke semasa. Jumlah minimum yang ditetapkan pada tahun 1994⁶⁶ ialah RM 1 juta. Justeru itu, IBF dikehendaki mempunyai ciri-ciri seperti berikut:-⁶⁷

- i. IBF hendaklah dibiayai oleh peruntukan daripada ibu pejabat bank.
- ii. IBF diletakkan di bawah IBU untuk membiayai segala operasi SPTF.
- iii. Dana tersebut digunakan untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan overhead dan perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi SPTF.

Shahrul Izzan Abdul Karim (Mei 1994), *op.cit.*, h. 10-11.

⁶⁶ Berkuatkuasa 2 Januari 1999, dana minimum perbankan Islam sebanyak RM 1 juta telah dinaikkan kepada RM 5 juta bagi syarikat kewangan dan RM 3 juta bagi bank saudagar. Sila lihat Kementerian Kewangan Malaysia (1999) *Laporan Ekonomi 1999/2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

⁶⁷ Bank Negara Malaysia (1993), *op.cit.*, h. 224 ; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 338-339 ; Dzuljasti Abdul Razak & Shahrul Izzan Abdul Karim (Mei 1994) , *op.cit.*, h. 10-11. Lihat juga Bank Negara Malaysia (1993), *Guidelines On Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) For Commercial Banks*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, Julai 1993.

- iv. Keuntungan dan bayaran yang diperolehi oleh SPTF hendaklah dikreditkan ke dalam IBF.

Tahun 1993 merupakan tahun yang paling penting dalam sejarah sistem perbankan Islam di Malaysia. Ini kerana, impian kerajaan untuk mempromosi dan mengembangkan sistem perbankan Islam di Malaysia akhirnya terhasil dengan terlaksananya fasa pertama SPI. Fasa pertama pelaksanaan SPI telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim⁶⁸ pada 4 Mac 1993.⁶⁹ Ianya melibatkan tiga buah bank perdagangan yang terbesar di Malaysia iaitu Malayan Banking Berhad, Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Corporation Berhad.⁷⁰ Ketiga-tiga buah Bank ini telah diberikan kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan sistem dwi-perbankan secara serentak, iaitu menawarkan kemudahan perbankan Islam dan perbankan konvensional dengan hanya menggunakan sebuah institusi kewangan kepada pelanggan. Skim yang dilancarkan ini mengambil masa selama setahun untuk diteliti oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia bagi memastikan ianya benar-benar berdaya maju dan mendapat sambutan yang menggalakkan⁷¹. Mengam secara keseluruhannya skim yang diperkenalkan ini adalah berlandaskan muamalat Islam dan ianya tidak

⁶⁸Bank Negara Malaysia (1994), *op.cit.*, h. 335 ; Ab Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 336.

⁶⁹ Dinsman (Januari 1994), "Meneroka Sistem Kewangan yang Adil", dalam *Majalah Dewan Masyarakat*, keluaran Januari 1994, h. 11.

⁷⁰ Dzulfajati Abdul Razak & Shahrul Izzan Abdul Karim (Mei 1994), *op.cit.*, h. 11 ; *Berita Minggu* (1993), 7 Mac 1993, h. 10 ; *Majalah Al-Islam* (1993), "Perkhidmatan Bank Tanpa Faedah", keluaran April 1993, h. 7 ; Lihat juga Bank Negara Malaysia (1994), *op.cit.*, h. 335.

⁷¹ Ab. Mumin Ab. Ghani (1993), *op.cit.*, h. 336 ; Lihat juga rencana mengenai SPTF dalam *Berita Harian*, 12 Mac 1993.

melibatkan pengasingan daripada sistem konvensional, dengan kata lain satu kaunter untuk dua sistem sekaligus. Antara kemudahan perbankan Islam yang ditawarkan pada peringkat awal ialah akaun deposit pelanggan, pembiayaan⁷² pemilikan aset dan pembiayaan perdagangan yang berteraskan prinsip-prinsip Syariah seperti *al-wadi'ah*, *al-mudārabah*, *bay' bithaman ājil*, *al-ijārah*, *al-kafālah* dan *al-wakālah*.⁷² Skim yang diperkenalkan ini telah mendapat tindakbalas yang begitu hebat dan memberangsangkan daripada orang ramai. Para penasihat syariah yang mahir dengan prinsip-prinsip muamalat perbankan Islam juga dianggap sebagai akar umbi dalam operasi SPI. Para penasihat ini terdiri daripada individu yang berkebolehan dan bertauliah berfungsi mengawasi operasi perbankan Islam berlandaskan syariat Islam. Di antara peranan penasihat Syariah ini ialah menyediakan khidmat perundangan, memastikan kesucian harta daripada sebarang unsur riba dan menjamin keadilan dalam pembahagian untung rugi antara pelanggan dengan bank.⁷³ Setelah dua bulan diperkenalkan melalui 281 cawangan ketiga-tiga bank berkenaan ianya telah berjaya menarik seramai 4,146 pendeposit dan mengumpul sebanyak 30 juta deposit.⁷⁴

⁷² Dinsman (Januari 1994), "Meneroka Sistem Kewangan yang Adil", dalam *Dewan Masyarakat*, Januari, h. 6-8 ; idem "SPTF Bukan Saingan Sistem Riba?", dalam *Dewan Masyarakat*, Mac 1994, h. 11-12. Lihat juga Joni Tamkin Bin Borhan (2000), *op.cit.*, h. 4

⁷³ Dzuljastri Abdul Razak & Shahrul Izzan Abdul Karim (1994) "Skim Perbankan Tanpa Faedah", dalam *Dewan Ekonomi* keluaran Mei 1994, h. 8-9.

⁷⁴ Noor Hayati (1993), "Interest-free Banking Gets Good Respons" dalam *New Straits Times*, 28 April 1993, h. 2 ; A Rachel (1993) "Islamic Banking Gains Popularity" dalam *New Sunday Times*, 10 Oktober 1993, h. 26.

Seterusnya, fasa kedua pelaksanaan SPI telah dilancarkan pada 21 Ogos 1993⁷⁵ yang melibatkan 10 buah lagi institusi kewangan di Malaysia.⁷⁶ Di antara institusi kewangan yang terlibat ialah Perwira Habib Bank Berhad, Arab Malaysian Finance Berhad dan Mayban Finance Berhad. Ianya menjadikan sebanyak 440 buah cawangan institusi kewangan yang menawarkan SPI di Malaysia⁷⁷. Sehingga akhir Jun 2001, jumlah institusi perbankan yang menyertai SPI terdiri daripada 13 bank perdagangan, ini termasuk 4 buah bank asing, 8 syarikat kewangan, 5 bank saudagar dan 7 syarikat diskaun. Jumlah cawangan yang menawarkan SPI juga meningkat kepada 2,200 buah cawangan. Manakala jumlah aset perbankan Islam telah meningkat daripada RM2.4 bilion pada tahun 1993 kepada RM51.9 bilion pada akhir Jun 2001⁷⁸.

Terdapat beberapa matlamat utama SPI diwujudkan sebagai perbankan alternatif di Malaysia. Matlamat pertama ialah untuk memberi penekanan kepada konsep keadilan yang sememangnya dituntut dalam sistem ekonomi Islam. Manifestasi keadilan dalam SPI ialah konsep perkongsian keuntungan dan risiko

⁷⁵ Bank Negara Malaysia (1994), *Laporan Tahunan 1994*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 235. Dzuljastri Abdul Razak & Shahrul Izzan Abdul Karim (1994), *op.cit.*, h. 11; Lihat juga Bank Rakyat (1993) "Menteri Kewangan Amanahkan Bank Rakyat Laksana ar-Rahn" dalam *Majalah Rakyat*, keluaran Julai-September 1993, h. 8.

⁷⁶ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 337 ; Bank Negara Malaysia (1994), *op.cit.*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 235.

⁷⁷ Joni Tamkin Borhan (1999), "Bank Islam Malaysia Berhad: Some Issues, Problems and Its Prospects in the Future" dalam *Jurnal Syariah*, Jilid 7 (2), Keluaran Julai 1999, h. 114-117, *idem* ; *Isu-isu Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*, (Kertas Kerja Diskusi Ekonomi Islam , Jabatan Syariah dan Ekonomi, APIUMKL, 20 Disember 2000), ms 5.

⁷⁸ Deposit dan pembiayaan SPI juga meningkat daripada RM2.2 bilion dan RM1.1 bilion pada tahun 1993 kepada RM40.6 bilion deposit dan RM24.6 bilion jumlah pembiayaan pada akhir Jun 2001. Sila lihat Rustam Mohd. Idris (2002), *op.cit.*, h 321.

dalam perniagaan. Matlamat kedua pula ialah untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem ekonomi Malaysia selari dengan saranan pemimpin terhadap cabaran Wawasan 2020 untuk mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai hidup dan akhlak yang terpuji. Manakala matlamat yang ketiga ialah untuk menjadikan SPI sebagai jentera pembangunan sosioekonomi negara berikutan potensinya yang menggalakkan. SPI telah terbukti produktif dan terbukti berdaya saing terhadap perbankan konvensional.⁷⁹

Di samping itu juga, pelaksanaan SPI membuktikan bahawa perbankan Islam yang berlandaskan Syariah ini sesuai dalam apa jua masa tempat mahupun keadaan. Seterusnya diharapkan ianya akan menjadi penggerak kepada sistem kewangan Islam secara menyeluruh pada masa hadapan.⁸⁰ Selain daripada itu dengan adanya SPI di institusi kewangan Malaysia, ianya sedikit sebanyak akan menghapuskan sistem perbankan riba secara berperingkat⁸¹. Seterusnya ianya juga mampu menyedarkan masyarakat tentang kesyukuran dan keagungan agama Allah s.w.t ini. Justeru itu ia dapat mengurangkan fahaman sekular barat di kalangan masyarakat umat Islam Malaysia khususnya.

⁷⁹ Dzuljastri Abdul Razak & Shahrul Izzan Abdul Karim (Mei 1994), "Skim Perbankan Tanpa Faedah" Majalah *Dewan Ekonomi*, keluaran Mei 1994, h. 9.

⁸⁰ Lihat Ab. Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 336.

⁸¹ Lihat Mohd Ali Haji Baharom (1994) "SPTF sebagai Alternatif dalam Sistem Kewangan Negara" (Kertas Kerja Seminar Peringkat Kebangsaan Sains Muamalah Islam, Anjuran Universiti Teknologi Malaysia pada 3 April 1994), h. 6.

Seterusnya, penulis akan meneliti beberapa perbezaan di antara SPI dengan Sistem Perbankan Konvensional⁸² yang diamalkan selama ini. Keseluruhan operasi SPI adalah berasaskan prinsip Islam untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t, berbanding dengan sistem perbankan konvensional di mana operasi perbankan yang dilaksanakan adalah berasaskan sistem ekonomi bebas untuk memperoleh keuntungan maksimum. Selain itu, aktiviti perniagaan SPI yang dilaksanakan adalah berasaskan prinsip perniagaan yang halal dan pembiayaan Islam yang tidak mengenakan riba atau faedah (*interest*), manakala dalam pelaksanaan sistem perbankan konvensional pula adalah merujuk kepada aktiviti utama perniagaan yang berasaskan penerimaan deposit dan pemberian pinjaman yang mengenakan kadar riba dan faedah. Jika dilihat daripada aspek sumber pendapatan utama di antara keduanya, sumber pendapatan SPI adalah berasaskan keuntungan perniagaan, manakala sistem perbankan konvensional pula berasaskan kadar riba dan faedah yang dikenakan ke atas pinjaman. Selain itu, pelanggan yang mendapat kemudahan pembiayaan melalui SPI akan hanya dikenakan bayaran perkhidmatan dan perkongsian keuntungan. Keadaan ini berbeza dengan pelaksanaan sistem perbankan konvensional di mana pelanggan yang mendapat kemudahan pinjaman akan dikenakan kadar riba dan faedah (*interest*) yang tinggi. Pelanggan SPI juga tidak akan dibebankan dengan jumlah bayaran balik yang tidak wajar dan munasabah disebabkan ianya tidak berubah sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian yang dimeterainya bersama, sedangkan di dalam sistem perbankan

⁸² Dinsman (1994), "Perbezaan SPTF dengan Sistem Konvensional" dalam Majalah *Dewan Masyarakat* keluaran Januari 1994, h. 10 ; Surtahman Kastin Hassan & Abd. Ghafar Ismail (2000) "Mudarabah: Antara Justifikasi Keadilan dan Aplikasinya Dalam Sistem Kewangan Malaysia", dalam *Jurnal Ikim*, Vol. 8 No. 1 Januari/Julai 2000, h. 102.

konvensional seluruh jumlah bayaran balik pinjaman akan berubah mengikut perubahan kadar faedah.

Manakala produk-produk SPI yang telah diperkenalkan di peringkat awal adalah sebanyak 22 produk⁸³. Bank Negara Malaysia telah menyediakan garis panduan SPI, di mana menurut garis panduan tersebut bank perdagangan dibenarkan menawarkan 19 produk, syarikat kewangan 14 produk dan 9 produk untuk bank saudagar.⁸⁴ Produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan ini adalah hasil rumusan daripada prinsip-prinsip muamalat Islam.⁸⁵

1.5.4 Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)

BMMB merupakan Bank Islam kedua di Malaysia ditubuhkan pada 1 Oktober 1999⁸⁶. Ianya juga merupakan inisiatif kerajaan untuk memperkukuhkan sektor perbankan Islam yang menerima permintaan daripada masyarakat terhadap

⁸³ Lihat Lampiran 2. Produk-produk perbankan Islam ini telah bertambah dan berkembang, sehingga pertengahan tahun 2002 sebanyak 45 jenis produk telah diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia. Sumber Bank Negara Malaysia (2002), Jabatan Perbankan Islam dan Takaful Bank negara Malaysia, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia ;
Lihat juga Info Bank Negara Malaysia <http://www.bnm.gov.my/Islamicbanking/default.asp>²⁴ pada 15 Mei 2002

⁸⁴ Lihat Lampiran 3

⁸⁵ Nor Mohamed Yakcob (1996), *op.cit.*, h.74-94 ; Mohd Ali. Hj. Bahrum (1987), "Kaedah-kaedah Syariah Dalam Muamalat", (Kertas Kerja Seminar Keusahawanan dan Perniagaan Islam, 28-29 November 1987, Petaling Jaya) ; Mohd. Daud Bakar (1997), "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam" dalam *Jurnal Syariah*, Jilid 5(2), Julai 1997, h. 204-228.

⁸⁶ Sabiroh Ismail (2000) "Konsep-konsep Syariah dalam Pembiayaan Secara Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad" (Kertas Projek , Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Sesi 1999/2000) , h 70 ;
Bank Muamalat Info <http://www.muamalat.com.my/index2.html> pada 15 Jun 2002.

perkhidmatan perbankan Islam yang semakin bertambah. Bank ini ditubuhkan hasil penggabungan unit perbankan Islam di Bank Bumiputra Malaysia Bhd, Bank Of Commerce (M) Bhd dan BBMB Kewangan Bhd dengan memiliki 40 buah cawangan di seluruh negara ketika itu⁸⁷.

BBMB telah memulakan perniagaan dengan dana pemegang saham sebanyak RM300 juta dan aset berjumlah RM2.5 bilion serta warga kerja seramai 1011 orang⁸⁸. Dari sudut pemilikan saham pula, Commerce Asset-Holding Berhad (CAHB) memperuntukkan sahamnya sebanyak 30% dalam BBMB, manakala selebihnya merupakan milik penuh kerajaan Malaysia⁸⁹. Setelah hampir dua tahun beroperasi⁹⁰, BBMB menjangkakan keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2001 sebanyak lima kali ganda berbanding keuntungan sebanyak RM12 juta pada tahun 2000⁹¹.

BBMB ditubuhkan berasaskan kepada konsep kesaksamaan dalam hubungan antara manusia, beriltizam untuk menjadi sebuah bank berlandaskan Syariah yang kukuh, progresif dan moden. Bagi mencapai visi dan matlamat bank, tumpuan telah

⁸⁷ Bank Muamalat Malaysia Berhad (t.t), *Bank Muamalat Malaysia Berhad*. Kuala Lumpur: BBMB, h. 2.

⁸⁸ Badrila Jamlus (2002), "Bank Muamalat Belanja RM15j Tingkat Mutu Perkhidmatan" dalam *Berita Harian*, Sabtu 8 Mei 2002, h. 13.

⁸⁹ Joni Tamkin Borhan (2001), "Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya" dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 14, Disember 2001, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam universiti Malaya Kuala Lumpur, h. 149.

⁹⁰ BBMB telah membelanjakan hampir RM15 juta untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf cawangan dan jabatan di ibu pejabatnya selain memindahkan 12 cawangan bank ke premis baru yang lebih strategik. Lihat Badrila Jamlus (2002), *op.cit.*, h.13.

⁹¹ Lihat "Bank Muamalat Jangka Untung Lima Kali Ganda" dalam *Utusan Malaysia*, Jumaat 19 April 2002, h. 22.

diberikan kepada tiga produk bank iaitu pembiayaan perdagangan, pembiayaan projek dan kontrak serta pasaran modal Islam. Bagi tempoh tahun kewangan yang pertama iaitu April 1999 hingga Mac 2000, BMMB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM14.4 juta diikuti pula dengan peningkatan mendadak enam bulan berikutnya sebanyak RM8.24 juta. Dana pemegang saham juga telah meningkat kepada RM311.1 juta manakala nisbah modal berwajaran risiko menurun kepada 14.7 peratus disebabkan oleh pertambahan aset⁹².

Setelah hampir 20 tahun sistem perbankan Islam dilaksanakan di Malaysia, ianya mengalami perkembangan yang memberangsangkan terutama dari segi aset dan deposit dengan melepasi sasaran yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia⁹³. Sehingga akhir Disember 1998, perbankan Islam telah mengumpul aset sebanyak RM20 bilion, selain Bank Islam Malaysia Berhad terdapat 51 institusi perbankan telah menyertai SPI di mana 25 buah daripadanya merupakan bank perdagangan, 18 buah syarikat kewangan, 5 buah bank saudagar dan 3 peserta baru yang terdiri daripada syarikat diskaun⁹⁴. Pada akhir 2001, jumlah aset perbankan Islam telah melonjak begitu tinggi dan memberangsangkan. Aset institusi perbankan Islam secara berkumpulan telah mencatatkan pertumbuhan berpurata 49% setahun dan mencapai RM59.0 bilion. Manakala deposit dan pembiayaan pula, masing-masing meningkat kepada RM46.0 bilion dan RM28.0 bilion. Dari segi perbandingan prestasi pula,

⁹² Badrila Jamlus (2002), *op.cit.*, h.13.

⁹³ Lihat akhbar *Utusan Malaysia*, "Perbankan Islam Kekal Tahap Perkembangan", pada 21 Mac 2002, h. 24.

⁹⁴ Lihat akhbar *Utusan Malaysia*, "Aset Perbankan Islam RM20 bilion" pada 9 Februari 1999, h. 3.

peratusan aset perbankan Islam telah meningkat kepada 8.2% pada akhir 2001 berbanding 6.9% pada tahun sebelumnya, selari dengan deposit dan pembiayaan yang juga meningkat kepada 7.4% dan 5.3% berbanding tahun sebelumnya⁹⁵.

Justeru itu, pencapaian sistem perbankan Islam yang memberangsangkan ini telah diiktiraf dunia dan banyak negara luar yang ingin mendapatkan nasihat daripada kerajaan Malaysia untuk pelaksanaan sistem perbankan seumpama ini di negara masing-masing⁹⁶. Ini disebabkan Malaysia merupakan negara pertama yang mewujudkan sistem dwi-perbankan, iaitu sistem perbankan Islam beroperasi selari dengan sistem perbankan konvensional⁹⁷.

Sistem perbankan Islam yang ditawarkan tidak terbatas kepada masyarakat Islam sahaja, malahan ianya terbuka kepada seluruh masyarakat Malaysia walau apa pun latar belakang agama mereka⁹⁸. Justeru itu, ia telah berjaya menarik minat lebih ramai pelanggan bukan Islam, ini disebabkan oleh konsep perkongsian keuntungan bagi produk simpanan dan pelaburan yang memberi pulangan dividen yang menarik serta bayaran balik yang tetap bagi skim pembiayaan memudahkan pelanggan

⁹⁵ Mustapa Mohamed (2002), "Wawasan Kerajaan dalam Membangunkan Sistem Kewangan Islam" (Kertas Kerja Muzakarah Pakar "Ke Arah 20% Pasaran Perbankan Menjelang 2010: Strategi Sistem Perbankan Islam", Ajaran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) di Dewan Besar IKIM, pada 12-13 Mac 2002), h. 5 ; Lihat juga akhbar *Utusan Malaysia*, "Aset Institut Perbankan Islam RM50 bilion akhir 2001 – Mustapa", pada Khamis 14 Mac 2002, h. 21.

⁹⁶ Lihat Bernama "Sistem Perbankan Islam Tarik Minat Ramai Bukan Islam" dalam *Berita Harian*, Jumaat 7 Disember 2001, h. 5.

⁹⁷ Rustam Mohd. Idris (2002), *op.cit.*, h. 318 ; Dzuljastri Abdul Razak & Shahrul Izzan Abdul Karim (Mei 1994), *op.cit.*, h. 12 ; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 254.

membuat perancangan belanjawan⁹⁹. Selain itu, institusi perbankan Islam perlu mempelbagaikan perkhidmatan dan produk-produk yang halal untuk bersaing dengan perbankan konvensional¹⁰⁰. Malahan, masyarakat Islam juga perlu menyedari hakikat sebenar perbankan Islam yang ditawarkan di mana ianya boleh memberi kesan kepada pelanggan bukan Islam untuk menyertainya.

1.6 Prinsip-prinsip Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia

Pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia adalah berasaskan kepada muamalat Islam yang bertujuan menubuhkan sebuah sistem perbankan yang bebas daripada semua unsur-unsur penindasan dan riba. Perbankan Islam yang ditubuhkan bukannya sekadar memberi perkhidmatan sebagai sebuah bank perdagangan semata-mata, malahan perkhidmatan dan produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam semuanya berlandaskan prinsip-prinsip Syariah Islam untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t samada di dunia dan di akhirat.

Di antara prinsip-prinsip Syariah yang diamalkan oleh perbankan Islam di Malaysia ialah *al-wadī'ah*, *al-muḍārabah*, *al-musyārahah*, *al-murābahah*, *bay'*

⁹⁸ Lihat teks penuh syarahan umum yang disampaikan oleh Tan Sri Dato' Jaffar bin Hussein di USM, Dewan Tuanku Syed Putra, 9 Mac 1990, h. 2.

⁹⁹ Bernama (Disember 2001), *op.cit.*, h. 5 ; Lihat "Perbankan Islam Semakin Populer" dalam *Utusan Malaysia*, 26 Disember 2000 ; *Utusan Malaysia*, "50% pelanggan BIMA Bukan Islam" pada 10 April 1998.

¹⁰⁰ Lihat akhbar *Utusan Malaysia*, "Perbankan Islam Perlu Pelbagaikan Perkhidmatan", pada 15 Januari 2002, h. 24

*bithaman ājil, bay' al-dayn, al-ijārah, al-qarḍ al-ḥasan, bay' al-salam, bay' al-istijrar, al-kafālah, al-rahn, al-wakālah, al-ḥiwālah, al-ṣarf, al-ujr dan al-hibah*¹⁰¹.

Oleh yang demikian, instrumen-instrumen yang ditawarkan oleh perbankan Islam di Malaysia adalah berasaskan kepada konsep-konsep Syariah yang termaktub di dalam Al-Quran, al-Sunnah, keputusan ijtihad ulama fiqh dan pendapat ulama kontemporari yang mempunyai kepakaran dalam bidang Syariah dan ekonomi adalah menjadi panduan kepada sistem perbankan Islam ini¹⁰².

Di samping itu, penubuhan Majlis Pengawasan Syariah merupakan satu jaminan kepada perbankan Islam untuk memastikan perniagaannya tidak berlawanan dengan hukum-hukum muamalat Islam. Contohnya dalam isu riba, Majlis Pengawasan Syariah bertanggungjawab ke atas segala urusan yang dijalankan oleh bank dan mengenalpasti sejauh mana pengendalian yang dijalankan oleh bank samada mengikut hukum-hukum Islam atau tidak. Sekiranya bank terlibat di dalam aktiviti pelaburan, maka Majlis Pengawasan Syariah hendaklah meneliti dan memantau segala aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilaburkan oleh bank agar ianya tidak bercanggah dengan kehendak dan tuntutan syarak¹⁰³.

¹⁰¹ Sumber Bank Negara Malaysia Info <http://www.bnm.gov.my/Islamicbanking/default.asp?2>, 12 Jun 2002.

¹⁰² BIMB Institute Of Research And Training Sdn. Bhd. (BIRT) (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: BIRT, h. 6 ; Mahsin B. Hj. Mansor (1983), *Konsep Syariah Dalam Bank Islam*. Kuala Lumpur: BIMB, h. 4.

¹⁰³ Khalifah bin Juli (2000), "Majlis Pengawasan Syariah dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia", (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Sesi 1999/2000), h 78.

1.7 Falsafah Ekonomi Perbankan Islam¹⁰⁴

Falsafah¹⁰⁵ menggaris prinsip kawalan bagi sesuatu sistem yang dirumuskan oleh manusia. Ia juga akan membentuk pegangan hidup serta membina corak sesuatu sistem bermasyarakat. Seterusnya akan mempengaruhi pembentukan nilai etika dan melahirkan budaya masyarakat beretika yang menyokong semangat falsafah tersebut ke arah mencapai sesuatu matlamat¹⁰⁶. Dalam ekonomi perbankan Islam, ia juga mempunyai falsafahnya yang tersendiri, para cendekiawan ekonomi Islam telah merumuskan dan membahagikan ekonomi perbankan Islam kepada lapan prinsip yang asas, iaitu :-

- i. Konsep pemilik sebenar.
- ii. Konsep hubungan manusia dengan pemilik sebenar (konsep *al-khalīfah*).
- iii. Konsep *al-'adālah*.

¹⁰⁴ Sobri Salamon (1982), "Bank Islam; Falsafah Struktur dan Organisasi", (Kertas Kerja, Seminar Ekonomi Bank Islam ; Konsep dan Pelaksanaannya, Anjuran Persatuan Ulama Malaysia, Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya, 25 Januari 1982), h. 5 ; Mohd Riduwan Wahab (2001) "Prinsip-prinsip Asas Falsafah Ekonomi Perbankan Islam" dalam *Dewan Ekonomi*, November 2001, Kuala Lumpur: DBP, h. 61-63 ; Joni Tamkin bin Borhan , "Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 13, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Julai 2001, h. 117 ; Muhammad Umar Chapra (1979), *Objectives Of The Islamic Economic Oder*. London: The Islamic Foundation, h. 21 ; Lihat juga Mohsin S. Khan & Abbas Mirakhor (1987), "The Framework and Practice of Islamic Banking", dalam *Theoretical Studies in Islamic Banking and Finance*. Texas: The Institute For Research and Islamic Studies, h. 3-4.

¹⁰⁵ Falsafah membawa erti kepada pengetahuan tentang pengertian-pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi atau sebagai dasar ilmu-ilmu lain. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *op.cit.*, h. 321.

¹⁰⁶ Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (2002), "Institusi Ekonomi Islam di Malaysia: Satu Analisis Cadangan" dalam *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Nik Mustapha Nik Hassan (ed). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 286.

- iv. Integrasi antara nilai-nilai akhlak dengan aktiviti ekonomi.
- v. Sikap positif terhadap kegiatan dan pembangunan ekonomi.
- vi. Agihan semua kekayaan yang berorientasikan sosial.
- vii. Penghapusan institusi riba.
- viii. Perkongsian untung dan rugi.

Menurut para cendekiawan ekonomi dan perbankan Islam, dua prinsip falsafah yang pertama (i dan ii) di atas merupakan kunci ke arah falsafah ekonomi Islam.¹⁰⁷

- i. Konsep pemilik sebenar.¹⁰⁸

Dalam konsep ini, semua makhluk yang ada di langit dan di bumi, yang ghaib ataupun nyata, semuanya adalah hak milik Allah s.w.t. Terdapat beberapa ayat al-Quran al-Karim yang menerangkan tentang hal tersebut, yang bermaksud;

"...Dan (ingatlah) bagi Allah s.w.t jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi yang ada di antara keduanya..."

(Sūrah al-Mā'idah (6): 17)

"Dialah (Allah s.w.t) yang memiliki segala yang ada di langit keduanya dan juga yang ada di perut bumi..."

(Sūrah al-Tāha (16): 6)

¹⁰⁷ Sobri Salamon (1982), *op.cit.*, h 5 ; Joni Tamkin bin Borhan (2001), "Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia", dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil 13, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Julai 2001, h. 118

¹⁰⁸ Sila lihat Sobri Solomon (1989), "Falsafah Ekonomi Bank Islam" dalam *Ekonomi Islam*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah , h. 162-164

Ayat-ayat di atas menegaskan bahawa Allah s.w.t jualah yang Maha Pencipta dan Maha Berkuasa ke atas seluruh makhluk yang diciptaNya. Dia sentiasa mengingati hambaNya tentang konsep pemilik sebenar kekayaan, sehingga menyebut sebanyak dua kali dalam sūrah al-Mā'idah. Ini menunjukkan seluruh sumber ekonomi di alam adalah dicipta olehNya dan dikurniakan kepada hambaNya. Dialah Allah Yang Maha Agung dan juga pemilik sebenar terhadap sesuatu.

ii. Konsep khalifah.

Konsep ini mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep pemilik sebenar. Ia menerangkan bahawa seluruh kekayaan yang ada di alam semesta ini adalah hak mutlak Allah s.w.t (pemilik sebenar) dan manusia pula dilantik olehNya sebagai khalifah di muka bumi ini. Manusia juga sebagai pemegang amanah yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranannya sebagai khalifah di muka bumi ini. Firman Allah s.w.t yang bermaksud;

*"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat :
"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi"
(Sūrah al-Baqarah (1): 30)*

Oleh yang demikian manusia bertanggungjawab menjalankan segala perintah Allah s.w.t dan menjauhi segala larangan yang telah ditetapkanNya dalam menunaikan ibadah dan seluruh aktiviti di muka bumi ini. Justeru itu, segala perbuatan yang dilakukannya akan disoal di akhirat kelak.

iii. Konsep *al-'adālah*.

Konsep ini bermula daripada konsep khalifah dan persaudaraan sesama manusia di muka bumi ini dengan tanpa melihat perbezaan darjat, keturunan, warna kulit dan status. Bermula dari konsep khalifah yang mencetuskan kepada konsep *al-'adālah* yang membawa keadilan sosio-ekonomi menurut perspektif Islam. Ia juga menekankan bahawa setiap individu mempunyai hak yang sama untuk mengeksploitasi sumber-sumber anugerah Allah s.w.t di muka bumi ini. Oleh itu, setiap individu akan mendapat keuntungan hasil daripada sumbangannya kepada masyarakat tanpa mengeksploitasi hak-hak orang lain. Sebagai mana firman Allah s.w.t yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu merugikan manusia pada hak-haknya dan janganlah kamu bermaharajalela di muka bumi ini dengan membuat kerosakan"

(Sūrah al-Syu'arā' (19): 183)

Oleh yang demikian, konsep keadilan ini merupakan asas yang dinamik untuk mengatur dan melaksana urusan ekonomi dalam sesebuah masyarakat. Melalui konsep ini juga, ianya memberi sumbangan yang positif kepada kebajikan ekonomi seluruh masyarakat dalam usaha untuk memenuhi keperluan asasi manusia. Di samping itu, golongan yang tidak berdaya dan miskin akan diberi tumpuan melalui penggunaan harta milik awam dan harta milik negara seperti sedekah, zakat, wakaf dan pinjaman kebajikan¹⁰⁹.

¹⁰⁹ Mohd Riduwan Wahab (2001), *op.cit*, h. 62.

iv. Integrasi nilai-nilai akhlak dengan aktiviti ekonomi.¹¹⁰

Konsep ini menerangkan bahawa segala aktiviti perbankan Islam samada dalam bidang pengeluaran, penabungan, pelaburan, pengagihan, perbelanjaan dan yang lain-lain adalah berlandaskan kepada nilai-nilai akhlak. Islam memberi penekanan terhadap kepentingan nilai-nilai akhlak untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t di dunia mahupun di akhirat kelak. Arahan Allah s.w.t supaya nilai-nilai akhlak menjadi tunjang dan asas segala aktiviti ekonomi termasuk perbankan Islam dapat dilihat dalam firmanNya yang bermaksud;

“Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan”

(Sūrah al-Naḥl (14): 97)

Oleh yang demikian, amalan anti sosial seperti pembekuan harta kekayaan, aktiviti sorokan, penindasan, penipuan adalah dilarang keras oleh Islam. Ini bertepatan dengan konsep khalifah di mana manusia tertakluk kepada kehendak Allah s.w.t sebagai pemilik mutlak segala sumber.

v. Sikap positif terhadap kegiatan dan pembangunan ekonomi.

¹¹⁰ Sobri Solomon (1984), *Bank Islam*, cet. 1. Persatuan Ulama Malaysia : Nurin Enterprise, h. 7.

Konsep ini menerangkan bahawa segala nikmat yang dicurahkan oleh Allah s.w.t hendaklah diolah, diurus dan dimanfaatkan selari dengan tuntutan syariat Islam. Manusia dibenarkan untuk mengeksploitasi sumber-sumber kekayaan dan hendaklah memastikan penggunaannya dengan cara yang halal dan diredhai oleh Allah s.w.t. Di samping itu, penekanan harus diberikan terhadap setiap individu untuk bekerja dan mencari rezeki bagi membangunkan sumber-sumber semulajadi dalam memperbaiki kualiti kehidupan. Oleh yang demikian setiap individu harus bersikap positif terhadap kegiatan ekonomi. Firman Allah s.w.t dalam Al-Quran yang bermaksud;

“Apabila selesai menunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi, dan ingatlah sebanyak-banyaknya akan Allah s.w.t (tentang kuasa dan peraturanNya) supaya kamu beruntung”
(Sūrah al-Jum‘ah (28): 10)

“Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya dan hartanya (mereka yang ada dalam jagaan, kamu (harta) yang Allah s.w.t telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu”
(Sūrah al-Nisā’ (4): 5)

Di dalam sistem perbankan Islam, modal yang dikumpulkan akan dilaburkan ke dalam aktiviti ekonomi yang produktif agar pendeposit memperoleh hasil keuntungan daripada aktiviti pelaburan tersebut manakala pengusaha modal (peminjam dana bank) akan memperoleh pulangan yang berpatutan. Justeru itu, aktiviti seperti ini akan membawa kepada pembangunan ekonomi sejagat.

vi. Agihan semula kekayaan berorientasikan sosial.¹¹¹

Islam mengambil berat pengagihan kekayaan berdasarkan kepada keadilan dan berorientasikan sosial. Setiap individu muslim tolong menolong antara satu dengan yang lain serta dikehendaki menghindari segala perkara yang berkaitan dengan penindasan dan ketidakadilan dalam aktiviti ekonomi seperti riba. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menekankan supaya masyarakat muslim mengagihkan harta kekayaan dan pendapatan mereka kepada yang berhak dan yang memerlukan seperti golongan fakir dan miskin. Firman Allah s.w.t yang bermaksud;

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya kamu membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari perangai yang buruk)”

(Sūrah al-Taubah (10): 103)

Sistem zakat ini jika diaplikasikan dalam masyarakat moden sekarang nescaya akan mengurangkan jurang ketidaksamarataan di dalam agihan pendapatan dan kekayaan. Ia juga dapat mengurangkan kecenderungan kepada pengumpulan dan monopoli kekayaan.

vii. Penghapusan institusi riba.¹¹²

¹¹¹ Lihat Mustapa Mohamed (1995), *Sistem Kewangan Islam Malaysia*, cet. 1. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Sdn. Bhd, h.16-17.

¹¹² Sila lihat Nor Mohamed Yacop (1996), *op.cit.*, h. 16-17.

Para ulama' telah bersepakat terhadap pengharaman riba dan ianya meliputi juga amalan faedah atau bunga yang dijalankan oleh sistem perbankan konvensional. Al-Quran menerangkan dengan jelas tentang pengharaman riba malahan menegah umat Islam daripada mendekatinya. Firman Allah s.w.t yang bermaksud;

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu : akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

(Sūrah al-Baqarah (3): 278-279)

Sistem perbankan Islam bebas dari sebarang unsur-unsur riba. Secara tidak langsung ia dapat menghapuskan penindasan dalam masyarakat sejagat.

viii. Perkongsian untung dan rugi.

Sebagai alternatif kepada pengharaman riba, para sarjana ekonomi Islam telah memperkenalkan konsep untung dan rugi. Rata-rata ramai di antara mereka telah membincangkan kredibiliti instrumen *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah* sebagai pemangkin kejayaan sistem perkongsian untung dan rugi dalam Islam. Kedua-dua instrumen ia adalah asas kepada semua kegiatan ekonomi yang melibatkan wang, harta dan buruh di dalam Islam. Kelebihan *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah* dalam sistem perbankan Islam sudah ternyata. Sebagai penyelesaian mekanisme faedah atau

bunga diganti dengan konsep *al-musyārahah*, di mana untung dan rugi akan ditanggung bersama oleh kedua-dua belah pihak iaitu pengusaha dan pemodal.

1.8 Kesimpulan

Telah terbukti keberkesanan sistem perbankan Islam yang dianjurkan Islam, ianya mampu memberi saingan kepada perbankan konvensional dan harus diberikan perhatian yang sewajarnya oleh setiap pihak yang terlibat. Oleh yang demikian masyarakat Islam Malaysia perlu beralih bagi memastikan mereka menikmati seluruh keistimewaan sistem perbankan Islam ini. Selain itu, perlunya inisiatif pihak kerajaan dalam menawarkan perbankan Islam yang serba canggih dan moden. Inilah nikmat Islam dan Iman yang telah diberikan oleh Allah s.w.t kepada hambaNya yang sentiasa bersyukur.